



KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

LAPORAN TAHUNAN 2023





KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

LAPORAN TAHUNAN 2023



KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

LAPORAN TAHUNAN 2023

©Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disiarkan dalam bentuk yang boleh digunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada elektronik atau mekanik termasuklah salinan semula, rakaman ataupun cara-cara lain penyimpanan maklumat, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA)
Malaysia
Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel : +603 8870 5800 | Faks : +603 8870 5900
Emel : enquiry@seda.gov.my

www.seda.gov.my

Loji biogas 4.0MW Mistral
Engineering Sdn Bhd di bawah
mekanisme FiT.



Isi Kandungan

Senarai Ekshibit — 06
Glosari dan Akronim — 07
Istilah Utama Dalam Tarif Galakan — 08
Pengenalan KWTBB — 10
Tujuan Penubuhan KWTBB — 10
Pentadbiran KWTBB — 11
Sumber Kewangan KWTBB — 14

LAPORAN KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN KWTBB TAHUN 2023

Pendapatan Tahun 2023 — 15
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik (AoT) — 16
Pengurusan Pelaburan Dana KWTBB — 17
Pendapatan Faedah Daripada Pelaburan — 18
Hibah Daripada Akaun Semasa — 18
Geran Program MySuria — 19
Perbelanjaan KWTBB — 19
Mendapatkan Wang (RoM) dan Fi Pentadbiran PLP — 20
Fi Pentadbiran Pihak Berkuasa — 22
Perkhidmatan Dan Bekalan: Perbelanjaan Di Bawah Perenggan 25(B) — 23

Laporan Audit KWTBB Tahun 2023 — 24

Penyata Pengerusi Dan Seorang Anggota Pihak Berkuasa — 30
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan KWTBB — 31
Penyata Kewangan KWTBB Tahun 2023 — 32

Senarai Ekshibit

-
- 1** Kerangka Konseptual Mekanisme Tarif Galakan

 - 2** Jawatankuasa-Jawatankuasa Yang Mentadbir KWTBB

 - 3** Perundangan Subsidiari KWTBB

 - 4** Sumber Kewangan KWTBB

 - 5** Pendapatan KWTBB bagi Tahun 2022 dan 2023

 - 6** Kutipan AoT Mengikut Pemegang Lesen Pengagihan bagi Tahun 2022 dan 2023

 - 7** Jumlah Kumulatif Kutipan AoT Yang Telah Diterima Sehingga 31 Disember 2023

 - 8** Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan pada Tahun 2023

 - 9** Pelaburan Simpanan Tetap KWTBB Mengikut Bank pada 31 Disember 2023 dan 31 Disember 2022

 - 10** Pendapatan hibah diterima bagi Tahun 2022 dan 2023

 - 11** Penerimaan Dan Pelunasan Perbelanjaan bagi Geran MySuria

 - 12** Peruntukan Seksyen 25 Akta 725

 - 13** Perbelanjaan Dana KWTBB bagi Tahun 2022 dan 2023

 - 14** Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut PLP bagi Tahun 2022 dan 2023

 - 15** Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Pemegang Lesen Pengagihan dari Tahun 2012 sehingga 2023

 - 16** Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 sehingga 2023

 - 17** Perbelanjaan di bawah perenggan 25(b) Akta 725 bagi Tahun 2022 dan 2023

Glosari & Akronim

A

AFFIN	Affin Islamic Bank Berhad
Al-Rajhi	Al-Rajhi Bank Malaysia
AoT	Peruntukan daripada Tarif Elektrik

B

BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BKRM	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
BPMB	Bank Pembangunan Malaysia Berhad
BSN	Bank Simpanan Nasional Berhad
BUCC	Bandar Utama City Corporation Sdn Bhd

C

CIMB	CIMB Islamic Bank Berhad
COOP Bank	Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad

D

DC	Kos Pembekalan
-----------	----------------

F

FiT	Tarif Galakan
------------	---------------

F

KFH	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
KWTBB	Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu

L

LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
-------------	----------------------------

M

MAB	Malaysia Airlines Berhad
MASSB	Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.
MBB	Malayan Banking Berhad
MBSB	MBSB Bank Berhad
MUSB	Malakoff Utilities Sdn. Bhd.

N

NUR	NUR Distribution Sdn. Bhd.
------------	----------------------------

O

OCBC	OCBC Al-Amin Bank Berhad
OPR	Kadar Dasar Semalaman

P

PBB	Public Islamic Bank Berhad
PKG	Pemegang Kelulusan Galakan
PLP	Pemegang Lesen Pengagihan

R

RHB	RHB Bank Berhad
RoM	Mendapatkan Wang

S

SEDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari
SESB	Sabah Electricity Sdn. Bhd.
SME	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad
STMMD	Simpanan Pasaran Wang Jangka Pendek

T

TBB	Tenaga Boleh Baharu
TNB	Tenaga Nasional Berhad

Istilah Utama Dalam Tarif Galakan

Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) Syarikat yang memegang lesen untuk mengagihkan elektrik (cth. TNB, SESB, NUR).

Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) Individu atau syarikat yang memegang sijil kelulusan galakan yang dikeluarkan oleh SEDA Malaysia. Pemegang layak untuk menjual tenaga boleh baharu pada kadar FiT.

Indigenous Sumber tenaga boleh baharu mestilah dari dalam Malaysia dan tidak diimport dari negara lain.

Kadar FiT Kadar premium tetap yang perlu dibayar untuk setiap unit tenaga boleh baharu yang dijual kepada Pemegang Lesen Pengagihan. Kadar FiT adalah berbeza untuk sumber tenaga boleh baharu dengan kapasiti dipasang yang berbeza. Kadar Bonus FiT terpakai apabila kriteria syarat bonus dipenuhi.

Tempoh Tempoh di mana tenaga elektrik boleh baharu dijual kepada Pemegang Lesen Pengagihan dan dibayar pada kadar FiT. Tempohnya adalah berdasarkan ciri-ciri sumber dan teknologi boleh baharu. Pada masa ini, semua permohonan FiT baharu yang diluluskan (tanpa mengira jenis sumber TBB) akan dibayar FiT selama 21 tahun untuk penjana tenaga boleh baharu. Hanya PKG yang telah diberikan kuota Biogas sebelum 28 Januari 2019 dan kuota Biojisim sebelum 23 Disember 2019 akan dibayar FiT selama 16 tahun.





Projek Hidrokuasa Kecil oleh Amcorp Perting Hydro Sdn Bhd dengan kapasiti 6MW di Bentong, Pahang.

Pengenalan KWTBB

Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] bagi mewujudkan dan melaksanakan sistem Tarif Galakan (FiT) untuk memangkin penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) serta mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan.



KWTBB hendaklah ditadbir dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia (Pihak Berkuasa) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 23 Akta 725.

Pihak Berkuasa mewajibkan Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) untuk membeli tenaga elektrik daripada Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) yang dihasilkan daripada sumber TBB dan menetapkan kadar FiT. PLP akan membayar tenaga boleh baharu yang dibekalkan kepada grid elektrik untuk tempoh tertentu. Dengan menjamin akses kepada grid dan menetapkan harga yang kompetitif bagi setiap unit TBB, mekanisme FiT akan memastikan tenaga boleh baharu menjadi pelaburan jangka panjang yang berdaya maju dan kukuh untuk komuniti serta individu.


Tujuan Penubuhan KWTBB

Dana KWTBB digunakan bagi melaksanakan skim Tarif Galakan (*Feed-in Tariff* – FiT) sejak tahun 2012. Menurut seksyen 23 [Akta 725], kutipan bayaran tambahan sebanyak 1.6% dikenakan ke atas bil elektrik oleh Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) kepada pengguna kecuali pengguna di Sarawak dan pengguna domestik dengan penggunaan elektrik kurang daripada 300 kilowatt jam (kWj) sebulan. Caj tambahan ini dikutip oleh PLP yang kemudiannya diserahkan kepada Pihak Berkuasa. Sementara itu, prosedur di mana Pihak Berkuasa membayar balik kepada PLP bayaran bulanan yang dibuat kepada PKG dikenali sebagai Mendapatkan Wang (RoM). Pembayaran balik ini adalah berdasarkan jumlah perbezaan positif selepas menolak kos pembekalan semasa daripada bayaran FiT kepada PKG.

Di Bahagian Ini

Tujuan Penubuhan KWTBB	10
Pentadbiran KWTBB	11
Sumber Kewangan KWTBB	14

Kerangka Konseptual Mekanisme Tarif Galakan ini dapat diringkaskan seperti di **Ekshibit 1**.



Ekshibit 1
 Kerangka Konseptual Mekanisme
 Tarif Galakan

Pentadbiran KWTBB

KWTBB hendaklah ditadbir dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia (Pihak Berkuasa) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 23, Akta 725. Sama seperti Pihak Berkuasa, semua urusan pentadbiran KWTBB ditadbir dan dikawal selia oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan seperti yang dinyatakan di dalam **Ekshibit 2** dan perundangan subsidiari di **Ekshibit 3**.



Jawatankuasa Kewangan (JKKW)

1

JKKW berperanan untuk membantu Pihak Berkuasa melaksanakan fungsi kawalan pelaksanaan peraturan dan prosedur operasi piawaian (tatacara) yang berkaitan pengurusan kewangan KWTBB, selaras dengan seksyen 13 Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari [Akta 726].

2

JKKW juga berperanan untuk memperakukan belanjawan KWTBB yang dikemukakan oleh pengurusan Pihak Berkuasa bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa.



Jawatankuasa Pelaburan (JKP)

1

JKP berperanan untuk mengkaji dan meneliti cadangan pelaburan strategik di samping membuat keputusan bagi mengoptimumkan pulangan melalui aktiviti pelaburan yang melibatkan wang KWTBB yang tidak dibelanjakan, selaras dengan subseksyen 26(1) Akta 725.

2

JKP turut mengurus dan memantau semua aktiviti serta prestasi pelaburan tunai jangka pendek dan jangka panjang termasuk Akaun Pelaburan Khas (SIA), simpanan tetap, unit amanah serta apa-apa produk pelaburan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.



Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) & Lembaga Perolehan (LP)

1

JKSH dan LP berperanan untuk menguruskan perolehan KWTBB.

2

JKSH dan LP mempertimbangkan dan menyetujui terima sebut harga serta tender yang paling menguntungkan Pihak Berkuasa berasaskan prinsip dan dasar perolehan Pihak Berkuasa, syarat-syarat sebut harga dan tender serta tertakluk di bawah had kuasa yang ditetapkan.



Jawatankuasa Operasi Pasaran (JKOP)

1

Pengurusan isu-isu teknikal berkenaan mekanisme FiT.

2

JKOP berperanan untuk mentadbir urus, melaksanakan dan membuat keputusan berhubung perkara-perkara yang berkaitan pengoperasian mekanisme tarif galakan (Feed-in Tariff, FiT) yang bersifat teknikal dan tidak memerlukan keputusan dasar daripada Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa.



Jawatankuasa Audit (JKA)

1

JKA berperanan untuk memantau pelaksanaan audit pematuhan ke atas perundangan yang dikuatkuasakan bagi proses Mendapatkan Wang (RoM) dan Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT).



Ekshibit 2

Jawatankuasa-Jawatankuasa Yang Mentadbir KWTBB

PERUNDANGAN SUBSIDIARI KWTBB



CARA RAYUAN

P.U.(A) 309/2019 – Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Cara Rayuan) 2019.

KELULUSAN GALAKAN & KADAR TARIF GALAKAN

1. P.U.(A) 380/2020: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 – Pembetulan – Pindaan Peraturan.
2. P.U.(A) 385/2011: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.
3. P.U.(A) 107/2013: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) (Pindaan) 2013.
4. P.U.(A) 312/2013: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) (Pindaan) (No. 2) 2013.
5. P.U.(A) 366/2020: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) (Pindaan) 2020.

KEHENDAK TEKNIKAL DAN PENGENDALIAN

1. P.U.(A) 387/2011: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal Dan Pengendalian) 2011.
2. P.U.(A) 120/2014: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal Dan Pengendalian) (Pindaan) 2014.
3. P.U.(A) 387/2011 – Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal Dan Pengendalian) (Mengandungi Pindaan Yang Terkini P.U.(A) 120/2014).



TENAGA BOLEH BAHARU (REPPA)

P.U.(A) 386/2011: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu) 2011.

KRITERIA BAGI SUMBER BOLEH BAHARU

1. P.U.(A) 383/2011: Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria Bagi Sumber Boleh Baharu) 2011.
2. P.U.(A) 373/2013: Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria Bagi Sumber Boleh Baharu) (Pindaan) 2013.

PERUNTUKAN DARIPADA TARIF ELEKTRIK

P.U.(A) 375/2013: Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan Daripada Tarif Elektrik) 2013.

FI PENTADBIRAN

P.U.(A) 389/2011: Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

MENDAPATKAN WANG OLEH PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN

1. P.U.(A) 388/2011: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang Oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011.
2. P.U.(A) 121/2014: Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang Oleh Pemegang Lesen Pengagihan) (Pindaan) 2014.

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUASA

1. P.U.(A) 589/2011: Penetapan Tarikh Permulaan Kuasa.
2. P.U.(A) 493/2023: Penetapan Tarikh Permulaan Kuasa.



Ekshibit 3

Perundangan Subsidiari KWTBB

Sumber Kewangan KWTBB

Sumber kewangan KWTBB adalah seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 23(2)(a) hingga perenggan 23(2)(d) Akta 725 seperti ditunjukkan di **Ekshibit 4** berikut:

Perenggan 23(2)(a)

“apa-apa jumlah yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang dari semasa ke semasa”



Perenggan 23(2)(b)

“apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa di bawah subseksyen 22(4), 24(1) dan 25(5)”



Perenggan 23(2)(c)

“semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang, termasuk bunga”



Perenggan 23(2)(d)

“segala wang lain yang diterima secara sah oleh Pihak Berkuasa bagi pihak Kumpulan Wang”



Tanah Isian Sanitari Bukit Tagar menjadi tapak kepada salah satu projek sisa-ke-tenaga terbesar negara yang menggunakan enjin gas 10.5MWac untuk menjana tenaga elektrik.

Prestasi Kewangan KWTBB Tahun 2023

Di Bahagian Ini

Pendapatan Tahun 2023	15
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik (AoT)	16
Pengurusan Pelaburan Dana KWTBB	17
Pendapatan Faedah Daripada Pelaburan	18
Hibah Daripada Akaun Semasa	18
Geran Program MySuria	19
Perbelanjaan KWTBB	19
Mendapatkan Wang (RoM) dan Fi Pentadbiran PLP	20
Fi Pentadbiran Pihak Berkuasa	22
Perkhidmatan dan Bekalan: Perbelanjaan di Bawah Perenggan 25(b)	23

Pendapatan Tahun 2023

Pendapatan KWTBB dibahagikan kepada dua (2) jenis hasil iaitu Urus Niaga Pertukaran dan Urus Niaga Bukan Pertukaran seperti berikut:



Urus Niaga Pertukaran

Faedah diterima daripada pelaburan Simpanan Tetap dan hibah



Urus Niaga Bukan Pertukaran

Hasil kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik (Allocation of Tariff – AoT) dan pelunasan hasil geran program MySuria

Nota: pelunasan hasil geran program MySuria ini tidak diambil kira dalam analisis pendapatan KWTBB.

Perbandingan pecahan pendapatan KWTBB bagi tahun 2022 dan 2023 tanpa pelunasan hasil geran MySuria diperincikan seperti di **Ekshibit 5**.



► **PENDAPATAN PERUNTUKAN DARIPADA TARIF ELEKTRIK**

TAHUN 2022	TAHUN 2023
RM759.60 JUTA	RM781.98 JUTA

► **PENDAPATAN FAEDAH PELABURAN**

TAHUN 2022	TAHUN 2023
RM78.42 JUTA	RM158.07 JUTA

► **PENDAPATAN HIBAH**

TAHUN 2022	TAHUN 2023
RM4.13 JUTA	RM6.68 JUTA

JUMLAH	
TAHUN 2022	TAHUN 2023
RM842.15 JUTA	RM946.73 JUTA



Ekshibit 5
Pendapatan KWTBB Bagi Tahun 2022 Dan 2023

Peruntukan Daripada Tarif Elektrik (AoT)

Menurut subseksyen 24(1) Akta 725, pendapatan utama dana KWTBB adalah hasil kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT).

AoT merupakan caj tambahan yang dikenakan kepada pengguna elektrik. Caj ini dikenakan kepada semua kategori pengguna di Semenanjung Malaysia dan Sabah, kecuali bagi kategori pengguna domestik dengan penggunaan elektrik kurang daripada 300 kilowatt jam (kWj) sebulan.

Kadar AoT mula dikenakan sejak tahun 2011, iaitu sebanyak 1.0%

daripada tarif yang dikenakan dan dipungut, selepas menolak apa-apa diskaun yang diluluskan oleh Kerajaan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Bermula dari tahun 2014, kadar kutipan AoT ini dinaikkan kepada 1.6%.

Tiga (3) Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) telah diberi kuasa di bawah Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan daripada Tarif Elektrik) 2013, untuk mengutip caj AoT ini, iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan NUR Distribution Sdn Bhd (NUR).

Kutipan AoT mengikut Pemegang Lesen Pengagihan bagi tahun 2022 dan 2023 diperincikan seperti di **Ekshibit 6**.



► **PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN TENAGA NASIONAL BERHAD**

TAHUN 2022
RM722.30 JUTA

TAHUN 2023
RM743.19 JUTA

► **PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN SABAH ELECTRICITY SDN BHD**

TAHUN 2022
RM26.93 JUTA

TAHUN 2023
RM27.06 JUTA

► **PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN NUR DISTRIBUTION SDN BHD**

TAHUN 2022
RM10.37 JUTA

TAHUN 2023
RM11.72 JUTA

► **JUMLAH**

TAHUN 2022
RM759.60 JUTA

TAHUN 2023
RM781.98 JUTA



Ekshibit 6
Kutipan AoT Mengikut Pemegang Lesen Pengagihan Bagi Tahun 2022 Dan 2023

Pada tahun 2023, kutipan AoT yang diterima oleh KWTBB daripada ketiga-tiga PLP tersebut adalah RM781.98 juta, dengan peningkatan sebanyak RM22.37 juta atau 2.95%, berbanding kutipan pada tahun 2022 berikutan peningkatan penggunaan tenaga elektrik oleh pengguna secara keseluruhan.

Secara kumulatif, jumlah kutipan AoT yang diterima sehingga 31 Disember 2023 berjumlah RM7.64 bilion seperti yang dinyatakan di **Ekshibit 7**. TNB merupakan penyumbang terbesar kutipan caj AoT ini, yang merangkumi 95.50% ataupun RM7.30 bilion daripada jumlah keseluruhan kutipan AoT. Dapatan data ini adalah selaras dengan rekod TNB sebagai PLP yang mempunyai jumlah pengguna terbesar iaitu sebanyak 10.85 juta orang pada tahun 2023.

Pengurusan Pelaburan Dana KWTBB

Pelaburan dana KWTBB dibuat selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 26(1) Akta 725 iaitu “Wang daripada Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang wang itu tidak dikehendaki atau tidak sertamerta dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.”

Bermula pada 7 Februari 2020, Pihak Berkuasa dan KWTBB telah mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan untuk membuat pelaburan jangka pendek dalam simpanan tetap dan *Short Term Money Market Deposit* (STMMMD). Pelaburan tersebut hanya boleh dilaksanakan bersama bank dan/atau institusi kewangan berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.



Tenaga Nasional Berhad	95.50 %	RM7.30 bilion
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	3.3 %	RM0.25 bilion
NUR Distribution Sdn. Bhd.	1.2 %	RM0.09 bilion

Ekshibit 7
Jumlah Kumulatif Kutipan AoT Yang Diterima Sehingga 31 Disember 2023

Pelaksanaan semua pelaburan bagi setiap peletakan deposit tetap adalah menurut Garis Panduan Pengurusan Simpanan Tetap/Simpanan Pasaran Wang Jangka Pendek (Short Term Money Market-STMMMD) yang diluluskan dalam Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Bil. 1/2020 dan Menteri dengan tarikh kuatkuasa rasmi pada 17 Mei 2022.

Minit mesyuarat keputusan Jawatankuasa Pelaburan akan diedarkan untuk makluman Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari bagi memastikan pengurusan pelaburan dilaksanakan secara telus,

berhemat dan mempunyai ciri-ciri semak danimbang.

Sepanjang tahun 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan telah bersidang sebanyak tiga (3) kali bagi peletakan pelaburan Simpanan Tetap di bank atau institusi kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Butiran kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan pada tahun 2023 adalah seperti yang dinyatakan di **Ekshibit 8**.

Ekshibit 8
Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Pada Tahun 2023

	MESYUARAT JAWATANKUASA Jawatankuasa Pelaburan Bil. 1/2023	TARIKH MESYUARAT 11 Ogos 2023
	MESYUARAT JAWATANKUASA Jawatankuasa Pelaburan Bil. 2/2023	TARIKH MESYUARAT 23 Oktober 2023
	MESYUARAT JAWATANKUASA Jawatankuasa Pelaburan Bil. 3/2023	TARIKH MESYUARAT 18 Disember 2023

Peletakan pelaburan telah dilaksanakan berdasarkan tawaran kadar faedah yang paling menguntungkan pada tarikh peletakan pelaburan tersebut. Berdasarkan peletakan berperingkat pelaburan pada tahun 2023, kadar faedah bagi pelaburan tersebut

adalah antara 4.05% sehingga 4.60% setahun (tahun 2022: 2.33% sehingga 4.60% setahun).


Pada 31 Disember 2023, simpanan tetap KWTBB adalah sebanyak RM4.076 bilion di lapan (8) institusi kewangan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan. Jumlah simpanan pada tahun 2023 menyaksikan peningkatan sebanyak 18.83% atau RM646 juta kerana

KWTBB mempunyai lebih tunai bersih yang lebih tinggi berbanding tahun 2022 susulan penerimaan sebahagian daripada pembayaran balik cukai terlebih bayar daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Pecahan pelaburan simpanan tetap KWTBB mengikut bank pada 31 Disember 2023 dan 31 Disember 2022 adalah seperti yang diperincikan di **Ekshibit 9**.

Ekshibit 9

Pelaburan Simpanan Tetap KWTBB Mengikut Bank pada 31 Disember 2023 dan 31 Disember 2022



Pendapatan Faedah Daripada Pelaburan

Pendapatan faedah KWTBB diperoleh daripada keuntungan peletakan pelaburan Simpanan Tetap di institusi kewangan yang diluluskan di bawah Kementerian Kewangan (MOF). Peletakan pelaburan telah dilaksanakan berdasarkan tawaran kadar faedah yang paling menguntungkan pada tarikh peletakan pelaburan tersebut.

Berdasarkan peletakan simpanan tetap sepanjang tahun 2023 di sepuluh (10) bank/institusi kewangan yang diluluskan, pendapatan faedah daripada simpanan tetap telah meningkat bagi tahun 2023 dengan peningkatan sebanyak RM79.65 juta atau 101.56% iaitu RM158.07 juta (2022: RM78.42 juta) berikutan peningkatan kadar keuntungan pelaburan simpanan tetap pada

tahun 2023 serta susulan usaha Pihak Berkuasa dalam merundingkan kadar terbaik daripada pihak bank yang selari dengan kenaikan *Overnight Policy Rate* (OPR) tahun 2023, daripada 2.75% kepada 3.00%.

Hibah Daripada Akaun Semasa

KWTBB menggunakan dua (2) akaun semasa bagi tujuan pengurusan transaksi terimaan dan perbelanjaan iaitu:

- CIMB Islamic Bank Berhad; dan
- OCBC Al-Amin Bank.

Kedua-dua akaun semasa ini menjana

pendapatan hibah berdasarkan baki tunai akaun semasa yang dikreditkan ke akaun pada setiap hujung bulan. Pada tahun 2023, sebanyak RM6.68 juta telah direkodkan sebagai pendapatan hibah, dan jumlah ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM2.55 juta atau 61.7% berbanding tahun 2022. Pendapatan hibah yang diterima bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti yang dinyatakan di **Ekshibit 10**.

Ekshibit 10
Pendapatan hibah diterima bagi tahun 2022 dan 2023





► **PENDAPATAN HIBAH**

TAHUN 2022

RM4.13 JUTA

TAHUN 2023

RM6.68 JUTA

Geran Program MySuria

Geran MySuria digunakan untuk pembayaran Tarif Galakan dan bonus kepada peserta yang terlibat dalam pelaksanaan program MySuria. Program ini merupakan satu usaha sama yang dimulakan pada tahun 2019 antara Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kerajaan Negeri yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi rakyat

B40 melalui Teknologi Hijau dengan bilangan peserta MySuria di seluruh negara sebanyak 332 PKG.

Pada tahun 2023, KWTBB menerima geran bagi Program MySuria berjumlah RM0.86 juta daripada Kementerian Kewangan. Seterusnya, sejumlah RM0.64 juta daripada geran MySuria telah dilunaskan pada tahun 2023 bagi pembayaran Tarif Galakan, yang melibatkan pembayaran Mendapatkan Wang (RoM) dan Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa. Setakat 31 Disember 2023, geran ini masih mempunyai baki

berjumlah RM7.07 juta yang akan digunakan untuk pembayaran Tarif Galakan dan Bonus kepada peserta yang terlibat dalam pelaksanaan program MySuria sehingga program ini ditamatkan pada tahun 2028.

Secara kumulatif, penerimaan dan pelunasan perbelanjaan bagi geran MySuria diperincikan seperti di **Ekshibit 11**.

Ekshibit 11
Penerimaan Dan Pelunasan Perbelanjaan Bagi Geran MySuria



 Perkara	Tahun Terima	Terimaan	Bayaran	Baki
Geran MySuria	2019	RM7,100,000.00	RM1,237,227.76	RM5,862,772.24
	2020	RM1,135,000.00	RM871,675.12	RM263,324.88
	2021	RM1,135,000.00	RM796,986.98	RM338,013.02
	2022	RM1,135,000.00	RM736,130.93	RM398,869.07
	2023	RM862,155.24	RM648,715.20	RM213,440.04
Jumlah		RM11,367,155.24	RM4,290,735.99	RM7,076,419.25

Perbelanjaan KWTBB

Perbelanjaan dana KWTBB seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 25 Akta 725 telah diperincikan di **Ekshibit 12**.

“Seksyen 25 Akta 725 - dibelanjakan bagi maksud”



Perenggan 25(a)

“**Seksyen 19** – Pembayaran Mendapatkan Wang (RoM) kepada Pemegang Lesen Pengagihan”

“**Seksyen 20** – Pembayaran Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa untuk mentadbir sistem tarif galakan”




Perenggan 25(b)

“secara amnya, membayar apa-apa perbelanjaan untuk melaksanakan peruntukan Akta 725”

Ekshibit 12
Peruntukan Seksyen 25 Akta 725

Butiran perbelanjaan dana KWTBB bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti **Ekshibit 13**.



Mendapatkan Wang (RoM) dan Fi Pentadbiran PLP

Perbelanjaan utama KWTBB merangkumi perbelanjaan pelaksanaan Tarif Galakan iaitu pembayaran RoM dan Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa, seperti yang diperuntukkan dalam Perenggan 25(a).

Mendapatkan Wang (RoM) adalah jumlah positif daripada perbezaan antara bayaran Tarif Galakan dan Kos Pembekalan/*Displacement Cost* (DC) yang dituntut oleh PLP daripada KWTBB. Manakala untuk Fi Pentadbiran pula, PLP boleh menuntut Fi Pentadbiran pada kadar 2% seperti yang tertakluk di dalam P.U.(A) 389/2011: Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

Pada tahun 2023, pembayaran RoM dan Fi Pentadbiran kepada PLP meningkat kepada RM463.29 juta atau 5.72% berbanding tahun 2022 yang mencatatkan jumlah bayaran sebanyak RM438.21 juta.

Jumlah pembayaran tuntutan RoM kepada tujuh (7) PLP pada tahun 2023 meningkat ke RM454.21 juta atau 5.72% berbanding tahun 2022 yang mencatatkan jumlah RM429.62 juta. Antara beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan tuntutan tersebut adalah seperti berikut:

- Peningkatan dalam prestasi janaan tenaga kerana beberapa PKG sedia ada telah membuat penukaran solar panel baharu; dan
- Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) telah mencapai Tarikh Kuat Kuasa Tarif Galakan (FiTCD) dan telah mula membuat tuntutan pada tahun 2023.

Sejajar dengan peningkatan perbelanjaan RoM tahun 2023, bayaran ke atas Fi Pentadbiran kepada PLP juga turut meningkat kepada RM9.08 juta atau 5.72% berbanding tahun 2022 yang mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM8.59 juta kerana jumlah fi ini bergantung kepada jumlah RoM yang dituntut oleh PLP.

Perbelanjaan terbesar RoM dan Fi Pentadbiran pada tahun 2023 adalah kepada TNB, iaitu RM386.89 juta atau 83.51% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan, diikuti oleh SESB (11.44%) dan MASSB (3.57%). Perbandingan perbelanjaan RoM mengikut PLP adalah seperti yang ditunjukkan di **Ekshibit 14**.


Pada tahun 2023, pembayaran RoM dan Fi Pentadbiran kepada PLP meningkat kepada RM463.29 juta atau 5.72% berbanding tahun 2022 yang mencatatkan jumlah bayaran sebanyak RM438.21 juta.



Pemegang Lesen Pengagihan



- Tenaga Nasional Berhad
- Sabah Electricity Sdn. Bhd.
- NUR Distribution Sdn. Bhd.
- Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.
- Malaysia Airlines Berhad
- Malakoff Utilities Sdn. Bhd.
- Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.



Ekshibit 14
Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut PLP bagi tahun 2022 dan 2023

■ Perbelanjaan RoM ■ Fi Pentadbiran

Secara kumulatif, jumlah perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran setakat 31 Disember 2023 sebanyak RM3.93 bilion telah dibayar kepada tujuh (7) PLP mulai tahun 2012 sehingga 2023. Jumlah pembayaran terbesar adalah kepada TNB iaitu RM3.16 bilion atau 80.51% daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan RoM dan

Fi Pentadbiran. Jumlah ini dikira berdasarkan 9,484 Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) di TNB yang telah mencapai status beroperasi secara komersial sehingga tahun 2023. Sementara itu, RM509.83 juta tuntutan RoM dan Fi Pentadbiran telah dibayar kepada SESB (12.96%) dan RM190.37 juta lagi dibayar

kepada MASSB (4.83%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran. Jumlah Terkumpul Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Pemegang Lesen Pengagihan dari tahun 2012 sehingga 2023 adalah seperti yang diperincikan di **Ekshibit 15**.

Malaysia Airlines Berhad

1.41%

RM55.61 juta

NUR Distribution Sdn. Bhd.

0.26%

RM10.20 juta

Malakoff Utilities Sdn. Bhd.

0.02%

RM0.50 juta

Ekshibit 15

Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Pemegang Lesen Pengagihan dari tahun 2012 sehingga 2023

Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.

4.83%

RM190.37 juta

Sabah Electricity Sdn. Bhd.

12.96%

RM509.83 juta

Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.


0.01%

RM0.13 juta

Tenaga Nasional Berhad

80.51%

RM3.16 bilion



Sementara itu, jumlah kumulatif perbelanjaan terbesar RoM dan Fi Pentadbiran berdasarkan kategori tenaga boleh baharu adalah untuk fotovolta solar (PV) yang berjumlah RM3.04 bilion atau 77.39% daripada

jumlah keseluruhan, seterusnya diikuti oleh perbelanjaan biogas berjumlah RM612.18 juta (15.56%), perbelanjaan biojisim sebanyak RM254.83 juta (6.48%) dan perbelanjaan hidrokuasa kecil yang berjumlah RM22.20 juta (0.56%).

Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 sehingga 2023 adalah seperti yang ditunjukkan di **Ekshibit 16**.

Fotovolta Solar

77.39%

RM3.04 bilion



Hidrokuasa Kecil

0.56%

RM22.20 juta

Biojisim

6.48%

RM254.83 juta

Biogas

15.56%

RM612.18 juta



Ekshibit 16

Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 sehingga 2023

Fi Pentadbiran Pihak Berkuasa

Berdasarkan P.U.(A) 389/2011: Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011, Pihak Berkuasa menerima Fi Pentadbiran pada kadar 3% daripada jumlah RoM yang dituntut oleh PLP. Sejalan dengan peningkatan

pembayaran RoM pada tahun 2023, peruntukan Fi Pentadbiran kepada Pihak Berkuasa turut meningkat kepada RM13.63 juta atau 5.72% berbanding tahun 2022 yang mencatat jumlah RM12.89 juta.

Perkhidmatan dan Bekalan: Perbelanjaan di Bawah Perenggan 25(b)

Perbelanjaan di bawah perenggan 25(b) Akta 725 merujuk kepada perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada KWTBB untuk membayar bekalan dan perkhidmatan serta apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini. Pada tahun 2023, perbelanjaan di bawah Perenggan 25(b) telah meningkat kepada RM1.46 juta berbanding tahun 2022. Peningkatan perbelanjaan yang ketara ini berlaku kerana pelantikan juruaudit luar untuk pelaksanaan audit prestasi pematuhan bagi pengurusan hasil Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT) serta Mendapatkan Wang (RoM) bagi tahun 2021 dan 2022 ke atas PLP.

Selain itu, kos penyelenggaraan komputer juga telah meningkat kepada RM564.21 ribu kerana pelaksanaan proses penyelenggaraan pusat data bagi semua sistem yang digunakan KWTBB bagi pelaksanaan Tarif Galakan FiT.

Selain itu, kos penyelenggaraan komputer juga telah meningkat kepada RM564.21 ribu kerana pelaksanaan proses penyelenggaraan pusat data bagi semua sistem yang digunakan KWTBB bagi pelaksanaan Tarif Galakan FiT. Di samping itu, kos penyelenggaraan komputer ini juga merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan sistem e-Cashflow yang diguna pakai oleh KWTBB untuk memudah cara simulasi penyediaan anggaran aliran tunai KWTBB bagi memastikan dana KWTBB adalah mencukupi untuk keperluan pelaksanaan Tarif Galakan FiT semasa serta jumlah kuota baharu yang ditawarkan.

Sejumlah RM83.24 ribu telah dibelanjakan ke atas perkhidmatan konsultan melibatkan kajian Hidrologi dan Biotenaga di Semenanjung Malaysia. Tujuan kajian hidrologi ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu daripada sumber hidro dengan menyediakan senarai tapak dan sungai yang berpotensi bagi pembangunan loji janakuasa hidro kecil (SHP) run-of-the-river di Semenanjung Malaysia. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian lanjutan daripada pelan tindakan yang telah

digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu (MyRER) Malaysia. Manakala kajian Biotenaga yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti lokasi-lokasi pusat janakuasa biotenaga yang berpotensi dijadikan sebagai kluster biotenaga. Konsep pengklusteran merupakan suatu kaedah yang dikenal pasti untuk meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu dari sumber biotenaga. Selain itu, kajian ini juga telah dipilih sebagai salah satu projek/ inisiatif perintis di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Perbelanjaan lain-lain pula melibatkan kos lawatan tapak bagi menjalankan audit prestasi terhadap PKG yang tidak mencapai sekurang-kurangnya 35% janaan tenaga ketersediaan tahunan yang diisytiharkan (*Declared Annual Availability*).

Butiran perbelanjaan di bawah perenggan 25(b) Akta 725 bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti yang dinyatakan di **Ekshibit 17**.

Ekshibit 17
Perbelanjaan di bawah perenggan 25(b) Akta 725 bagi tahun 2022 dan 2023

Tahun	Kos pengauditan dan percubaian	Penyelenggaraan Komputer	Percetakan	Lain-lain	Perkhidmatan Konsultan
2022	RM58,871	RM307,478	RM27,960	RM65,142	-
2023	RM574,929	RM564,208	RM28,965	RM213,829	RM83,240



Laporan Audit KWTBB Tahun 2023

Penyata Pengerusi dan Seorang
Anggota Pihak Berkuasa

Pengakuan Oleh Pegawai Utama
Yang Bertanggungjawab Ke Atas
Pengurusan Kewangan KWTBB

Penyata Kewangan KWTBB
Tahun 2023





Projek solar FIT 10.32MWac yang dikendalikan oleh Cemara Angsana Sdn Bhd & Gubahan Ceria Sdn Bhd di Negeri Sembilan.



MOHD NIZARUDDIN & CO.

Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)
No. 8-3B, Tingkat 3, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) ditadbir dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan Aset Bersih dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk dasar-dasar perakaunan yang penting dan nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan di muka surat yang disertakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan KWTBB pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir disediakan menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725).

ASAS PENDAPAT

Kami telah menjalankan kerja-kerja audit selaras dengan piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam bahagian "Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA YANG LAIN

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada pihak KWTBB dan kami juga telah mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Profesional Akauntan ("IESBA"), dan serta memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

MAKLUMAT SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT

Anggota Pihak Berkuasa adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi Laporan Anggota Pihak Berkuasa tetapi tidak termasuk penyata kewangan KWTBB dan laporan juruaudit kami yang berkaitan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU
(SAMBUNGAN)

Pendapat kami mengenai penyata kewangan KWTBB tidak meliputi lain-lain maklumat tersebut dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan yang berkaitan.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan KWTBB ini, tanggungjawab kami adalah untuk membaca lain-lain maklumat tersebut dan dengan berbuat demikian untuk mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat tersebut adalah secara terus menerus matan dengan penyata kewangan KWTBB atau jika dalam pengetahuan yang kami perolehi melalui kerja-kerja pengauditan atau lain-lain cara yang akan menunjukkan ianya telah salah nyata secara matan.

Jika berdasarkan kerja-kerja yang telah kami laksanakan, dan kami juga telah membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam lain-lain maklumat tersebut, kami akan dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Pihak kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

PERKARA AUDIT UTAMA ("KEY AUDIT MATTERS")

Perkara audit utama adalah perkara-perkara yang mana dalam penghakiman professional kami, adalah beberapa perkara yang diberikan lebih perhatian serta kerja-kerja audit tambahan semasa pengauditan penyata kewangan KWTBB pada tahun semasa.

Ianya telah diteliti semasa pengauditan penyata kewangan secara keseluruhan dan bagi tujuan menyatakan pendapat kami, kami tidak akan mengeluarkan pendapat berasingan ke atas perkara ini. Perkara-perkara yang dinyatakan di bawah adalah perkara-perkara audit utama yang telah dibincangkan melalui laporan audit ini. Perkara-perkara audit utama tersebut adalah seperti berikut:

1. Pengiktirafan kutipan Urus Niaga Bukan Pertukaran dan tuntutan Mendapatkan Wang dan Fi Pentadbiran oleh Pemegang Lesen Pengagihan (PLP).
2. Pelaburan di dalam Simpanan Tetap Jangka Pendek.
3. Perkara-perkara berkaitan percukaian bagi tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu.

Kaedah dan prosedur yang telah diambil untuk menangani perkara audit utama di atas adalah seperti berikut :

1. Mendapatkan pemahaman tambahan mengenai sistem dengan lebih terperinci, proses dan kawalan serta melaksanakan ujian ke atas kawalan utama.
2. Meneliti minit-minit mesyuarat, surat-surat dan dasar-dasar perakaunan yang telah ditetapkan dan diterima pakai oleh KWTBB.
3. Meneliti dan menyemak semula pengiraan jumlah cukai yang dikira bagi tahun taksiran terdahulu oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU
(SAMBUNGAN)

TANGGUNGJAWAB ANGGOTA PIHAK BERKUASA KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Anggota Pihak Berkuasa adalah bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan KWTBB yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725). Anggota Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Anggota Pihak Berkuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan KWTBB yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan KWTBB, Anggota Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan KWTBB untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan berkaitan usaha berterusan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP AUDIT PENYATA KEWANGAN

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan KWTBB secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan tertinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- i. Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- ii. Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman KWTBB.
- iii. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Pihak Berkuasa.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU
(SAMBUNGAN)

- iv. Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan Anggota Pihak Berkuasa dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan KWTBB untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan Juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan KWTBB berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.


Kami berkomunikasi dengan Anggota Pihak Berkuasa mengenai, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti sepanjang pengauditan kami.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PIHAK BERKUASA LAIN

Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dibawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725) telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.



MOHD NIZARUDDIN & CO.
AF 1312
Akauntan Bertauliah (M)



MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA
No. 02102/10/2024 J
Akauntan Bertauliah

Kajang, Selangor.
Tarikh: 11 JUL 2024

Ruj: 2406002

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

Ditadbir Dan Dikawal Oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia




PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI (SEDA) MALAYSIA

Kami, Ahmad Zairin Bin Ismail dan Ts. Dr. Sang Yew Ngin yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Pihak Berkuasa, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Pihak Berkuasa:

Bagi pihak Anggota Pihak Berkuasa:


.....
Nama: AHMAD ZAIRIN BIN ISMAIL
Gelaran: Pengerusi
Tarikh: 26 MAR 2024
Tempat: Pihak Berkuasa Pembangunan
Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia
Presint 4, Putrajaya


.....
Nama: Ts. Dr. SANG YEW NGIN
Gelaran: Anggota Pihak Berkuasa
Tarikh: 26 MAR 2024
Tempat: Pihak Berkuasa Pembangunan
Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia
Presint 4, Putrajaya

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

Ditadbir Dan Dikawal Oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia



PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

Saya, Zafina Binti Ahmad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di..... **Putrajaya**)
pada..... **26 MAR 2024**.....)


.....
ZAFINA BINTI AHMAD
750505-08-6560
PENGARAH KEWANGAN

Di hadapan saya,



Blok B-13 (B), 1st Floor,
Bazaar@8, Jalan Seluang P8/7,
Presint 8, 62250 Putrajaya.
+6019-3808703, +603-83280306
mf8vocate1@gmail.com

Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2023

ASET	NOTA	2023	2022
		RM	RM
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	3	144,713,162	75,903,999
Pelaburan Jangka Pendek	4	4,076,000,000	3,430,000,000
Cukai dan Pindahan Boleh Pulih	5	-	559,618
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	6	135,898,487	127,184,900
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	7	11,559,785	8,924,868
Cukai Terlebih Bayar	8	237,413,390	526,555,450
Jumlah Aset Semasa		4,605,584,824	4,169,128,835
Aset Bukan Semasa			
Aset Tak Ketara	9	309,714	354,106
Aset Dalam Pembinaan	10	91,278	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		400,992	354,106
Jumlah Aset		4,605,985,816	4,169,482,941
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	11	85,459,015	77,409,231
Cukai Belum Bayar	8	399,288	-
Jumlah Liabiliti Semasa		85,858,303	77,409,231
Liabiliti Bukan Semasa			
Geran MySuria	12	7,076,419	6,862,979
Liabiliti Cukai Tertunda	13	-	63,677
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		7,076,419	6,926,656
Jumlah Liabiliti		92,934,722	84,335,887
Aset Bersih		4,513,051,094	4,085,147,054
ASET BERSIH			
Lebihan Terkumpul		4,513,051,094	4,085,147,054
Jumlah Aset Bersih		4,513,051,094	4,085,147,054

Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
Hasil			
Urus Niaga Pertukaran	14	164,755,616	82,551,396
Urus Niaga Bukan Pertukaran	15	782,627,724	760,337,822
Jumlah Hasil		947,383,340	842,889,218
Belanja			
Mendapatkan Wang dan Fi Pentadbiran	16	463,295,805	438,214,887
Pemegang Lesen Pengagihan			
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	17	13,626,353	12,888,678
Perkhidmatan dan Bekalan	18	1,465,171	459,451
Belanja Susut Nilai		44,392	44,392
Geran dan Pindahan	19	648,715	736,131
Bayaran Lain	20	559,717	168
Jumlah Belanja		479,640,153	452,343,707
Lebihan Bagi Tahun Sebelum Cukai		467,743,187	390,545,511
Tolak: Cukai	8	39,477,671	19,822,990
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai		428,265,516	370,722,521
Dipegang oleh:			
Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu		428,265,516	370,722,521

Penyata Perubahan Aset Bersih Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

	NOTA	Lebihan Terkumpul	Jumlah Aset Bersih
		RM	RM
Baki pada 1 Januari 2022		3,714,424,533	3,714,424,533
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai		370,722,521	370,722,521
Baki pada 31 Disember 2022		4,085,147,054	4,085,147,054
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai		428,265,516	428,265,516
Pelarasan Tahun Sebelum	21	(361,476)	(361,476)
Baki pada 31 Disember 2023		4,513,051,094	4,513,051,094

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

	NOTA	2023	2022
		RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebih Selepas Cukai		428,265,516	370,722,521
Pergerakan/Pelarasan bukan tunai:			
Pelunasan Aset Tak Ketara		44,392	44,392
Pelarasan Tahun Sebelum		(361,476)	-
Pendapatan Geran		(648,715)	(736,131)
Hibah Bank		(6,679,471)	(4,130,953)
Keuntungan Pelaburan Jangka Pendek		(158,076,145)	(78,420,444)
Cukai Tertunda		(63,677)	10,655
Cukai Belum Bayar		399,288	-
Pertambahan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja		262,879,712	287,490,040
Perubahan dalam Modal Kerja:			
Peningkatan Dalam Peruntukan Hutang Ragu		559,618	-
(Peningkatan)/Pengurangan Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima		(8,713,587)	54,207,546
Peningkatan Urusniaga Pertukaran Belum Terima		(2,634,917)	-
Peningkatan/(Pengurangan) Pertukaran Belum Bayar		8,049,784	(3,508,453)
Tunai Bersih Dhasilkan daripada Aktiviti Operasi		260,140,610	338,189,133
Cukai Dibayar		-	(253,986,960)
Hibah Diterima		6,679,471	4,130,953
Pulangan Cukai Diterima		289,142,060	-
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi		555,962,141	88,333,126
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Aset Tak Ketara		(91,278)	-
Pelaburan Jangka Pendek		(646,000,000)	(160,000,000)
Terimaan Daripada Jualan Pelaburan		158,076,145	78,420,444
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		(488,015,133)	(81,579,556)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan Geran		862,155	1,135,000
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan		862,155	1,135,000
Peningkatan Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		68,809,163	7,888,570
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		75,903,999	68,015,429
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	22	144,713,162	75,903,999
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
Tunai di Bank	3	144,713,162	75,903,999
		144,713,162	75,903,999

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.

Penyata Prestasi Bajet Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

2023					
	NOTA	Amaun Bajet		Sebenar	Perbezaan: Bajet Akhir dengan Sebenar
		Asal	Akhir		
MENGURUS		RM	RM	RM	RM
Terimaan					
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik		756,000,000	756,000,000	781,979,009	25,979,009
Faedah Pelaburan dan Hibah		131,629,400	131,629,400	164,755,616	33,126,216
Jumlah Terimaan		887,629,400	887,629,400	946,734,625	59,105,225
BAYARAN					
Kos Mendapatkan Wang dan					
Fi Pentadbiran PLP		481,710,800	481,710,800	463,295,805	18,414,995
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia		14,167,900	14,167,900	13,626,353	541,547
Perkhidmatan dan Bekalan		2,044,100	2,044,100	1,465,171	578,929
Bayaran Lain	23(a)	200	200	559,717	(559,517)
Jumlah bayaran		497,923,000	497,923,000	478,947,046	18,975,954
LEBIHAN BERSIH SEBELUM CUKAI		389,706,400	389,706,400	467,787,579	40,129,271
Cukai		31,591,100	31,591,100	39,477,671	(7,886,571)
LEBIHAN BERSIH SELEPAS CUKAI		358,115,300	358,115,300	428,309,908	(70,194,608)
HARTA MODAL					
Aset Dalam Pembinaan		500,000	500,000	91,278	408,722
LEBIHAN BERSIH	23(b)	357,615,300	357,615,300	428,218,630	(70,603,330)

1. ASAS PENYEDIAAN

a) Maklumat Am

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU

Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] dan ianya hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) mulai tahun 2011. Objektif utama Kumpulan Tenaga Boleh Baharu adalah untuk membiayai perkembangan Tenaga Boleh Baharu dan mekanisme *Feed in Tariff* (FiT).

Segala kos operasi dan emolumen bagi mentadbir KWTBB dibayar oleh SEDA Malaysia.

Anggota SEDA Malaysia dilantik oleh Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Anggota SEDA Malaysia terdiri daripada seorang (1) Pengerusi, empat (4) wakil Kerajaan Persekutuan, lima (5) orang anggota lain dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Anggota SEDA Malaysia yang masih berkhidmat sejak tarikh akhir Penyata Kewangan ini adalah seperti berikut:

Anggota yang masih kekal bagi tahun 2023:

YBrs. Ts. Dr. Sang Yew Ngin
 YBrs. Tuan Mohd Saiful Sungkih bin Abdullah
 YBhg. Dato' Hamzah bin Hussin – Ketua Pegawai Eksekutif

Anggota baharu yang dilantik pada tahun 2023:

YBrs. Tuan Ahmad Zairin bin Ismail – Pengerusi (dilantik pada 15 Mei 2023)
 YBrs. Puan Haslina binti Abdul Samad (dilantik pada 15 Mei 2023)
 YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed (dilantik pada 15 Mei 2023)
 YBrs. Dr. Nurmazilah binti Dato' Mahzan (dilantik pada 15 Jun 2023)
 YB Tuan Lee Chean Chung (dilantik pada 1 Ogos 2023)
 YBrs. Dr. Ching Thoo a/l Kim (dilantik pada 15 November 2023)
 YBhg. Dato' Ir. Ts. Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid (dilantik pada 15 November 2023)
 YB Tuan Ganabatirau a/l Veranam (dilantik pada 15 November 2023)
 YBrs. Ir. Abdul Rahim bin Ibrahim (dilantik pada 1 Disember 2023)

Anggota yang tamat perkhidmatan pada tahun 2023:

YB Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (tamat perkhidmatan pada 31 Januari 2023)
 YBrs. Dr. Wirdati binti Mohd Radzi (tamat perkhidmatan pada 31 Januari 2023)
 YBrs. Dr. Nik Azmi bin Nik Omar (tamat perkhidmatan pada 31 Januari 2023)
 YBrs. En. Habizan Rahman bin Habeeb Rahman (tamat perkhidmatan pada 31 Januari 2023)
 YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed (tamat perkhidmatan pada 1 September 2023)
 YBhg. Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hasan (tamat perkhidmatan pada 30 September 2023)
 YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa (tamat perkhidmatan pada 31 Oktober 2023)

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia menerima atau layak menerima sebarang manfaat seperti yang termaktub di dalam Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726].

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dibentang dan diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia Bil. 01/2024 pada 19 Mac 2024 dan diluluskan Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Bil. 2/2024 pada 26 Mac 2024.

b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan menurut kelaziman Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Dasar Perakaunan.

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila Penyata Kewangan diterbitkan.

c) Pertimbangan Dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2. DASAR PERAKAUNAN

Dasar perakaunan yang berikut diamalkan oleh Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu:

a) Asas Perakaunan

KWTBB telah memilih untuk mengguna pakai piawaian perakaunan MPSAS bagi pelaporan bagi penyata kewangan tahun 2023.

b) Pengiktirafan Hasil

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf

sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik

Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik adalah kutipan bulanan daripada caj tambahan sebanyak 1.6% daripada bil elektrik pengguna di Semenanjung Malaysia dan Sabah selain pengguna domestik yang menggunakan bekalan elektrik sebanyak 300 kilowatt jam dan ke bawah setiap bulan. Pendapatan ini diambil kira apabila kutipan yang kena dibayar dikenakan dan diterima pada tahun kewangan mengikut asas akruan.

- Pelunasan Geran Program MySuria

Merupakan hasil pelunasan Geran Program MySuria bagi tahun 2023.

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran wujud daripada urusniaga yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- Pendapatan Faedah dan Hibah

Pendapatan faedah dan hibah diiktiraf berasaskan akruan atas perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

c) Belanja Am

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku dan dikenakan.

d) Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada KWTBB dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Digital.

Sesuatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset Tak Ketara KWTBB terdiri daripada perisian sistem perakaunan SAGA KWTBB dan sistem e-Cashflow KWTBB yang dibangunkan untuk pengurusan dana KWTBB serta dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sistem perisian.

Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dikira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh di mana ianya ditanggung.

Tempoh jangka hayat Aset Tak Ketara ditentukan tidak melebihi sepuluh (10) tahun. Namun jika terdapat penambahbaikan kepada Aset Tak Ketara dan direkodkan sebagai dipermodalkan kepada bersama aset utama, jangka hayat aset tersebut adalah tertakluk kepada baki jangka hayat aset utama tersebut.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai bawaan aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam lebihan atau kekurangan.

e) Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima

Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima dinyatakan pada kos. Hutang ragu akan diperuntukkan bagi hutang yang tidak berbayar melebihi tempoh satu (1) tahun.

f) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai Dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada baki di bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Mulai tahun 2023, Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung termasuk angka perbandingan tahun 2022.

g) Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar

Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar dinyatakan pada kos yang menyamai nilai saksama ganjaran yang dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberi.

h) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

i) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebihan yang dikenakan cukai dan diukur dengan menggunakan kadar cukai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan boleh dikenakan bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada Tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

Berdasarkan keputusan rayuan Borang Q bertarikh 24 Mei 2022, pendapatan faedah yang dikenakan cukai ke atas pihak KWTBB adalah tertakluk kepada Cukai Pendapatan Syarikat (fail "C") dan pengiraan cukai pendapatan KWTBB adalah tertakluk kepada Perenggan 2 Jadual 1 ACP di mana kadar cukai pendapatan syarikat bagi tahun taksiran 2011 hingga 2015 pada kadar 25% dan tahun taksiran 2016 hingga 2021 pada kadar 24%.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusan yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusan, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikut daripada cara KWTBB menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh akhir tahun kewangan.

j) Tukaran Wang Asing

Urusniaga yang dibuat dengan menggunakan mata wang asing telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia dengan kadar yang ditetapkan pada masa urusan dibuat.

k) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, KWTBB akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii. Pembayaran tertunggak;
- iii. Kemungkinan bahawa peminjam akan mufliis; atau
- iv. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

l) Peruntukan-Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai semasa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan terdiri daripada:

	2023	2022
	RM	RM
Tunai di bank	144,713,162	75,903,999

4. PELABURAN JANGKA PENDEK

Pada 7 Februari 2020, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan secara menyeluruh kepada SEDA Malaysia untuk membuat pelaburan jangka pendek bagi dana Kumpulan Wang SEDA Malaysia (KWSM) dan KWTBB.

Pada 31 Disember 2023, pelaburan di dalam Simpanan Tetap Jangka Pendek adalah di lapan (8) Institusi Kewangan Berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan untuk tempoh maksimum dua belas (12) bulan dan pelaburan ini dipastikan tidak menjejaskan komitmen perbelanjaan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu. Kadar Faedah yang diterima adalah pada kadar di antara 2.55% sehingga 4.42% setahun (2022: 2.25% sehingga 4.60% setahun). Butiran pelaburan simpanan tetap adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Public Bank Berhad	617,000,000	-
RHB Bank Berhad	843,000,000	535,000,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	44,000,000	535,000,000
Affin Bank Berhad	-	535,000,000
MBSB Bank Berhad	843,000,000	537,000,000
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	152,000,000	-
Al Rajhi Bank Malaysia	-	100,000,000
CIMB Islamic Bank Berhad	617,000,000	535,000,000
Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	343,000,000	-
Bank Islam Malaysia Berhad	617,000,000	653,000,000
	4,076,000,000	3,430,000,000

5. CUKAI DAN PINDAHAN BOLEH PULIH

	2023	2022
	RM	RM
Cukai boleh pulih	-	559,618

Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu tidak memegang apa-apa cagaran atau peningkatan kredit atas penghutang yang melebihi tempoh. Semua boleh pulih daripada Cukai dan Pindahan adalah dalam Ringgit Malaysia.

Analisis pengumuman Cukai Boleh Pulih adalah seperti berikut:


	2023	2022
	RM	RM
Kurang dari 6 bulan	-	-
6 bulan hingga 1 tahun	-	-
1 tahun hingga 3 tahun	-	559,618
	-	559,618

6. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2023	2022
	RM	RM
Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima	135,898,487	127,184,900

Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima

Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima tidak dikenakan faedah dan mengikut Perenggan 3(3)(a) dan (b) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan Daripada Tarif Elektrik) 2013, Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) hendaklah membayar ke dalam KWTBB setiap bulan secara menunggak sebelum hari pertama bagi bulan keempat selepas kutipan diterima. Sebagai contoh kutipan sumbangan Peruntukan Tarif Elektrik yang dikutip dalam bulan Disember 2023, hendaklah dibayar kepada KWTBB sebelum 1 April 2024. KWTBB telah mengiktiraf hasil sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik yang dikutip oleh PLP dalam tahun 2023 walaupun bayaran diserahkan dalam tahun berikutnya. Akaun Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima didenominasi dalam Ringgit Malaysia dan butiran adalah seperti berikut:

 Pemegang Lesen Pengagihan	2023		2022	
	Bulan Kutipan	RM	Bulan Kutipan	RM
Tenaga Nasional Berhad	November 2023 - Disember 2023	127,614,862	November 2023 - Disember 2023	119,682,027
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	Oktober 2023 - Disember 2023	7,047,361	Oktober 2023 - Disember 2023	6,399,298
NUR Distribution Sdn. Bhd.	Disember 2023	1,236,264	Disember 2023	1,103,575
Jumlah		135,898,487		127,184,900

Semua bayaran Sumbangan Peruntukan Daripada Tarif Elektrik Belum Terima telah dijelaskan dalam tahun 2024 mengikut tempoh yang ditetapkan selaras dengan Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan Daripada Tarif Elektrik) 2013.

7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga pertukaran belum terima adalah daripada hasil faedah dari pelaburan simpanan tetap belum diterima pada 31 Disember 2023 yang akan matang pada tahun 2024. Perbandingan bagi hasil belum diterima adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Faedah pelaburan simpanan tetap	11,559,785	8,924,868

8. PERCUKAIAN

KWTBB adalah tertakluk kepada Cukai Pendapatan Syarikat (Fail C) dan pengiraan cukai pendapatan KWTBB tertakluk kepada perenggan 2 Jadual 1 Akta Cukai Pendapatan dengan cukai yang dikenakan terhad kepada pendapatan faedah dan lain-lain hasil sahaja.

Perbelanjaan cukai tahun semasa adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Perbelanjaan Cukai		
Cukai tahun semasa	39,541,348	19,812,335
Berkaitan dengan lain-lain perbezaan sementara	(63,677)	10,655
	39,477,671	19,822,990

Penyesuaian kadar cukai efektif tahun semasa:

	2023	2022
	RM	RM
Lebihan bagi tahun sebelum cukai	467,743,187	390,545,511
Cukai yang dikenakan pada kadar 24%	112,258,365	93,730,922
Pendapatan dikecualikan cukai	(187,830,654)	(182,481,077)
Belanja yang tidak dibenarkan	115,113,637	108,562,490
Belanja cukai tertunda	(63,677)	10,655
	39,477,671	19,822,990

Pada tahun semasa, cukai terlebih bayar adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Baki awal dibawa hadapan	(526,555,450)	(272,568,490)
Cukai tahun semasa	39,541,348	19,812,335
	(487,014,102)	(252,756,155)
Pemulangan cukai terlebih bayar	250,000,000	-
Cukai dibayar	(399,288)	273,799,295)
Baki akhir dihantar hadapan	(237,413,390)	(526,555,450)

9. ASET TAK KETARA

	Sistem SAGA KWTBB	Sistem e-Cashflow KWTBB	Jumlah
	RM	RM	RM
<u>Kos</u>			
Pada 1 Januari 2023	47,700	396,229	443,929
Tambahan	-	-	-
Pada 31 Disember 2023	47,700	396,229	443,929
<u>Susut Nilai Terkumpul</u>			
Pada 1 Januari 2023	9,566	80,257	89,823
Caj Susut Nilai	4,770	39,622	44,392
Pada 31 Disember 2023	14,336	119,879	134,215
Amaun Bawaan	33,364	276,350	309,714

	Sistem SAGA KWTBB	Sistem e-Cashflow KWTBB	Jumlah
	RM	RM	RM
<u>Kos</u>			
Pada 1 Januari 2022	47,700	396,229	443,929
Tambahan	-	-	-
Pada 31 Disember 2022	47,700	396,229	443,929
<u>Susut Nilai Terkumpul</u>			
Pada 1 Januari 2022	4,796	40,635	45,431
Caj Susut Nilai	4,770	39,622	44,392
Pada 31 Disember 2022	9,566	80,257	89,823
Amaun Bawaan	38,134	315,972	354,106

10. ASET DALAM PEMBINAAN

SEDA Malaysia dalam proses pembangunan sistem Sustainable Energy Information Portal (SEIP) dalam usaha untuk membantu memudahkan capaian dibuat kepada maklumat dan data berkaitan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga (KT) di SEDA Malaysia. Lantikan syarikat yang berpengalaman telah dibuat pada 2 Oktober 2023 dengan harga sebanyak RM365,113. Sebanyak 25% bayaran kontrak telah dijelaskan kepada vendor pada bulan Disember 2023 berjumlah RM91,278.

11. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

		2023	2022
		RM	RM
Akaun belum bayar	(a)	85,052,142	76,794,583
Terakru	(b)	406,873	614,648
		85,459,015	77,409,231

Akaun Belum Bayar dan Belum Bayar Lain adalah tidak dikenakan faedah dan pada kebiasaannya diselesaikan atas terma 30 hari.

a) Akaun Belum Bayar

Akaun Belum Bayar didenominasi dalam Ringgit Malaysia dan terdiri daripada perbelanjaan tertunggak yang dipertanggungjawabkan kepada KWTBB di bawah Seksyen 19 dan 20 Akta Tenaga Boleh Baharu (2011) [Akta 725] yang perlu dibayar kepada PLP dan SEDA Malaysia seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Tenaga Nasional Berhad	59,301,033	56,938,451
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	17,730,320	14,239,743
NUR Distribution Sdn. Bhd.	155,528	137,391
Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.	3,596,317	2,431,048
Malaysia Airlines Berhad	1,817,388	826,506
Malakoff Utilities Sdn. Bhd.	8,395	4,034
Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.	1,831	2,166
SEDA Malaysia	2,441,330	2,194,697
Al-Rajhi Bank	-	548
Mohd Nizaruddin & Co	-	19,999
	85,052,142	76,794,583

Penumpuan Risiko Kredit adalah terhad dan ianya tidak dilakukan.

b) Terakru

Akaun Terakru terdiri daripada perbelanjaan yang belum dibayar di bawah Seksyen 25(b) Akta Tenaga Boleh Baharu (2011) [Akta 725] seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Kos Pengauditan dan Percukaian	195,314	614,368
Perkhidmatan dan Bekalan	1,410	280
Perkhidmatan Konsultan	83,240	-
Penyelenggaraan Komputer dan Sistem Aplikasi	126,909	-
	406,873	614,648

12. GERAN PROGRAM MYSURIA

KWTBB Malaysia telah menerima Geran MySuria pada tahun 2023 bagi tujuan pelaksanaan pembayaran *Feed-in Tariff* (FiT) kepada peserta program MySuria dan Fi Pentadbiran kepada Pemegang Lesen Pengagihian (PLP) dan SEDA Malaysia. Terimaan dan Perbelanjaan Geran MySuria adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Baki Geran pada awal tahun	6,862,979	6,464,110
Geran diterima pada tahun semasa	862,155	1,135,000
Perbelanjaan geran tahun semasa	(648,715)	(736,131)
Baki Geran pada akhir tahun	7,076,419	6,862,97

13. CUKAI TERTUNDA

Amaun aset dan liabiliti cukai tertunda, selepas penimbangan yang sesuai, dimasukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan, adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Berikut merupakan pergerakan liabiliti cukai tertunda		
Pada awal tahun	63,677	53,022
Pindahan ke Penyata Prestasi Kewangan	(63,677)	10,655
Pada akhir tahun	-	63,677

14. URUS NIAGA PERTUKARAN

Butiran urus niaga pertukaran KWTBB terdiri Pendapatan daripada pelaburan [Seksyen 23(2)(c) Akta 725] termasuk Hibah bank seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Faedah Diterima Daripada Pelaburan		
Simpanan Tetap	158,076,145	78,420,443
Hibah Bank	6,679,471	4,130,953
	164,755,616	82,551,396

15. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

		2023	2022
		RM	RM
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik	(a)	781,979,009	759,601,691
Pelunasan Geran Program MySuria	(b)	648,715	736,131
		782,627,724	760,337,822

a) Peruntukan Daripada Tarif Elektrik

Pendapatan yang diterima oleh KWTBB adalah berdasarkan Seksyen 23(2), Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] yang terdiri daripada berikut:

- i. apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang dari semasa ke semasa;
- ii. apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada SEDA Malaysia di bawah subseksyen 22(4), 24(1) dan 24 (5);
- iii. semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu, termasuk bunga; dan
- iv. segala yang lain yang diterima secara sah oleh SEDA Malaysia bagi pihak Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu.

Butiran Pendapatan KWTBB terdiri daripada Peruntukan Daripada Tarif Elektrik (Seksyen 24(1)) dan Pendapatan daripada pelaburan (Seksyen 23(2)(c)) seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Peruntukan Daripada Tarif Elektrik		
Tenaga Nasional Berhad	743,193,561	722,299,879
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	27,062,348	26,927,399
NUR Distribution Sdn. Bhd.	11,723,100	10,374,413
	781,979,009	759,601,691

a) Pelunasan Geran Program MySuria

Merupakan hasil pelunasan Geran Program MySuria bagi tahun 2023 berjumlah RM648,715.

16. MENDAPATKAN WANG & FI PENTADBIRAN PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN

Berdasarkan Seksyen 19, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) berhak untuk mendapatkan daripada KWTBB, sejumlah wang yang bersamaan dengan perbezaan antara:

- jumlah tarif galakan yang dibayar oleh PLP kepada pemegang kelulusan galakan (PKG); dengan
- kos yang selainnya kena ditanggung oleh PLP itu untuk menjana amaun elektrik yang sama dengan yang dijana oleh PKG itu berdasarkan kos pembekalan semasa.

Selain itu PLP juga hendaklah dibayar Fi Pentadbiran pada kadar 2% bagi setiap pembayaran mendapatkan wang yang dituntut oleh PLP berdasarkan perenggan 2(1) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

Butiran pembayaran Mendapatkan Wang kepada PLP termasuk Fi Pentadbiran adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Tenaga Nasional Berhad	386,897,002	369,515,702
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	53,024,764	46,576,859
NUR Distribution Sdn. Bhd.	1,068,874	971,494
Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.	16,542,460	15,434,437
Malaysia Airlines Berhad	5,705,020	5,649,797
Malakoff Utilities Sdn. Bhd.	43,619	51,904
Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.	14,066	14,694
	463,295,805	438,214,887

17. FI PENTADBIRAN SEDA MALAYSIA

SEDA Malaysia juga hendaklah dibayar Fi Pentadbiran sebanyak 3% bagi setiap pembayaran Mendapatkan Wang yang dituntut oleh PLP berdasarkan perenggan 2(2) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

Pembayaran Fi Pentadbiran oleh KWTBB kepada SEDA Malaysia adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	13,626,353	12,888,678

18. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Selaras dengan Seksyen 25(b) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], KWTBB hendaklah dibelanjakan bagi membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta TBB 2011. Berikut adalah perbelanjaan yang digunakan di bawah Seksyen 25(b) Akta 725:

	2023	2022
	RM	RM
Kos Pengauditan Dan Percukaian	574,929	58,871
Penyelenggaraan Komputer	564,208	307,478
Percetakan	28,965	27,960
Lain-lain	213,829	65,142
Perkhidmatan Konsultan	83,240	-
	1,465,171	459,451

Kos Pengauditan adalah bayaran kepada juruaudit luar bagi menjalankan audit prestasi pematuhan bagi pengurusan Hasil Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT) dan Mendapatkan Wang (RoM) Pemegang Lesen Pengagihan. Selain itu, fi pengauditan bagi Penyata Kewangan KWTBB bagi tahun 2023 juga termasuk dalam perbelanjaan audit.

Kos penyelenggaraan sistem adalah perbelanjaan penyelenggaraan data server bagi system e-FiT di Cyberjaya dan juga penyelenggaraan sistem e-Cashflow KWTBB. Kos perkhidmatan konsultan adalah perbelanjaan bagi penasihat teknikal untuk kajian *Hydrological Study on Hydro Potential In Peninsular Malaysia* dan penyediaan Terma dan Syarat bagi kajian kluster bioenergi.

19. GERAN DAN PINDAHAN

Merupakan belanja pelunasan Geran Program MySuria bagi tahun 2023 seperti butiran berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Mendapatkan Wang	617,823	701,077
Fi Pentadbiran PLP	12,357	14,022
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	18,535	21,032
	648,715	736,131

20. BAYARAN LAIN

Bayaran lain pada akhir tahun kewangan terdiri daripada:

	2023	2022
	RM	RM
Caj Bank	99	168
Hapus Kira Hutang Lapuk	559,618	-
	559,717	168

Berdasarkan rekod, tunggakan bayaran balik *Goods and Service Tax* (GST) berjumlah RM559,618 belum diterima daripada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan perkara ini telah dirujuk kepada Bahagian Kawalan Operasi & Pulangbalik melalui surat bertarikh 4 Oktober 2023. Hasil semakan, SEDA Malaysia diminta untuk mengemukakan dokumen tambahan bagi menyokong permohonan bayaran balik tersebut. Perkara ini masih dalam semakan pihak JKDM.

21. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Terdapat 2 transaksi melibatkan pelarasan tahun sebelum berdasarkan hasil dapatan pengauditan pematuhan pengurusan hasil peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT) bagi tahun 2018, 2020 dan 2021 di Nur Distribution Sdn Bhd berjumlah RM361,476.

Pecahan jumlah pelarasan yang dibuat adalah seperti berikut:

	2023	2022
	RM	RM
AoT Terlebih Caj	365,613	-
AoT Terkurang Caj	(4,137)	-
	361,476	-

22. NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI

a) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dimasukkan dalam penyata aliran tunai yang mengandungi penyata jumlah kedudukan kewangan berikut:

	2023	2022
	RM	RM
Tunai di Bank	144,713,162	75,903,999
	144,713,162	75,903,999

23. NOTA KEPADA PENYATA PRESTASI BAJET

a) Bayaran Lain

Hapus Kira Hutang Lapuk melibatkan tunggakan bayaran balik *Goods and Service Tax* (GST) berjumlah RM559,618 yang belum diterima dan telah melebihi tempoh 1 tahun.

b) Penyesuaian Lebihan Bersih

	2023
	RM
Lebihan Bersih (Penyata Prestasi Bajet)	428,218,630
Tambah: Belanja Harta Modal	91,278
Tolak: Belanja Susut Nilai	(44,392)
Lebihan bagi Tahun Selepas Cukai (Penyata Prestasi Kewangan)	428,265,516

24. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Objektif Dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan KWTBB adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi perbelanjaan operasi KWTBB sementara menguruskan risiko kewangannya, termasuk risiko kredit, risiko kadar faedah, risiko kecairan dan aliran tunai.

a) Risiko Kredit

KWTBB mengamalkan polisi iaitu tunai dan setara tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen.

b) Risiko Kadar Faedah

KWTBB tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

c) Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

KWTBB tidak memiliki profil hutang dan memiliki wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan semua modal kerja. Selain daripada itu, KWTBB juga menguruskan dengan teliti urusan keluar masuk tunai dan juga urusan pembayaran pemiutang.

25. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Pihak-pihak Berkaitan dan Hubungan

Berikut adalah Pihak-pihak Berkaitan seperti yang termaktub di dalam Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] dan diklasifikasikan sebagai Pemegang Lesen Pengagihan:

- | | |
|--|---|
| i. Tenaga Nasional Berhad (TNB) | v. Malaysia Airlines Berhad (MAB) |
| ii. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) | vi. Malakoff Utilities Sdn. Bhd. (MUSB) |
| iii. NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR) | vii. Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. (BUCC) |
| iv. Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. (MASSB) | |

26. ANGGOTA PENGURUSAN UTAMA

Anggota pengurusan utama Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu dan SEDA Malaysia terdiri daripada anggota pengurusan yang sama. Mereka mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Bilangan anggota pengurusan utama Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu ialah 10 orang (2022: 9 orang).

27. KOMITMEN BERKONTRAK

Perjanjian *Renewable Energy Power Purchase Agreement* (REPPA) bagi tempoh 10 sehingga 21 tahun telah ditandatangani KWTBB bagi program tarif galakan yang melibatkan 9,670 pemegang kelulusan galakan (PKG) dengan komitmen berkontrak REPPA terakhir akan tamat pada tahun 2048. Jumlah baki komitmen berkontrak ini adalah seperti berikut:

	RM
Mendapatkan Wang (RoM)	12,042,103,350
Fi Pentadbiran PLP	240,842,067
Fi Pentadbiran SEDA Malaysia	361,263,100
	12,644,208,517

28. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

- Selaras Penyerahan Kuasa Kawal Selia Pembekalan Elektrik Negeri Sabah Dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui Enakmen Tenaga Boleh Baharu Sabah 2024 berkuatkuasa 3 Januari 2024, semua fungsi berkaitan pentadbiran Mekanisme Tarif Galakan bagi Negeri Sabah (tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan) akan diambil alih sepenuhnya oleh *Energy Commission of Sabah* (ECoS). Sehubungan itu, mulai 3 Januari 2024 tiada kutipan AoT diiterima dan bayaran RoM beserta Fi Pentadbiran dibuat kepada SESB untuk Negeri Sabah.
- Pihak Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) telah memberi maklum balas melalui sistem *Taxpayer Access Point* (TAP) mulai 21 Mac 2024 sehingga 1 April 2024 setelah semakan semula semua dokumen sokongan. Seterusnya, KWTBB telah menerima sebahagian bayaran balik berjumlah RM489,439.67 daripada jumlah keseluruhan baki tertunggak *Goods & Service Tax* (GST) RM559,617.77 yang telah di Hapus Kira dalam tahun kewangan 2023.



**PIHAK BERKUASA
PEMBANGUNAN
TENAGA LESTARI
(SEDA) MALAYSIA**

Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4W, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.

☎ +603 8870 5800 ☎ +603 8870 5900

✉ enquiry@seda.gov.my

🌐 Sustainable Energy Development Authority - SEDA Malaysia

📍 SEDAMalaysia 📧 sedamalaysia
📱 _sedamalaysia 🌐 SEDA Malaysia
📺 SEDA Malaysia



www.seda.gov.my